

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
TINGKAT 1, BLOK C,
KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT,
JALAN DUNGUN, BUKIT DAMANSARA,
KUALA LUMPUR

82/12/3

Telefon: PENGARAH: 940540
AM: 940304

Kawat: MINHEALTH, KUALA LU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (14) dlm. KKM-153(33-2

Tarikh: 11 Januari 1986



Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Y.Bhg. Tan Sri,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Bil. 6 / 1986

Menghad Penggunaan Mesin Sinar-x Mobile dan
Portable Untuk Kegunaan Radiografi di Wad

... Deraf Pekeliling dilampirkan untuk kelulusan Tan Sri
seperti yang diarahkan oleh Tan Sri di dalam kandungan
(11). Deraf Pekeliling ini disediakan setelah mendapat
persetujuan dan kelulusan Dr. Charanpal Singh dan
Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(Ir. LUM WENG KEE)
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia

LWK/azni

PP/Ketua Pengarah
Kewah
Sula Hanip
h

82/16 -
(48) dlm. KKM-453(33-27)

~~Januari~~ 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak

Pengarah,
Hospital Besar,
Kuala Lumpur

Semua Pengarah Institusi

~~Date / Bulan / Tahun,~~

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 6/1986

Menghad Penggunaan Mesin Sinar ^{x-ray jenis} ~~Mobile dan~~
Portable Untuk Kegunaan Radiografi di Wad

Kementerian Kesihatan memandang serius dengan bertambahnya
bilangan pemeriksaan sinar-x mobile dan portable di wad.

Surat Pekeliling ini ialah arahan untuk menghadkan penggunaan
mesin sinar ^{x-ray jenis} ~~x~~ mobile dan portable di wad.

2. Penggunaan mesin ^{x-ray jenis} ~~sinar-x~~ mobile dan portable untuk
radiografi di wad akan mendedahkan pesakit dan kakitangan
kepada bahaya ^{x-ray} ~~sinar-x~~ yang tinggi. Filem-filem yang dihasilkan
berkualiti rendah. Pesakit-pesakit selalunya dikehendaki
pemeriksaan di buat sekali di Jabatan X-ray.
menjalankan pemeriksaan sinar-x ulangan di Jabatan X-ray.

3. Permohonan untuk ^{lagi} ~~Pemeriksaan~~ ^{x-ray dengan jenis mobile} ~~sinar-x~~ di wad hendaklah
dihadkan kepada pesakit-pesakit yang sakit tenat ^{Sahaya} dan kepada
pesakit-pesakit yang tidak boleh dibawa ke Jabatan X-ray, misalnya

Sapientis Guala,

pesakit yang menggunakan traction. ~~Permohonan untuk pemeriksaan x-ray hendaklah di benarkan hanya~~ *Permohonan untuk pemeriksaan x-ray hendaklah juga berdasarkan kepada tanda-tanda jelas. jika pemeriksaan tersebut benar diperlukan*
~~bahawa pengurusan pesakit-pesakit adalah bergantung kepada pemeriksaan sinar-x.~~

4. Pakar-pakar yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi semua permohonan untuk pemeriksaan ~~sinar-x~~ *x-ray* di wad. Ini adalah untuk memastikan semua permohonan adalah wajar (justified). Pengawasan ini boleh dilakukan secara 'routine' dengan mengkaji semua sebab-sebab permohonan pemeriksaan sinar-x mobile dibuat, semasa 'wad-round' yang berikut.

5. *x-ray jenis* Mesin ~~mesin~~ mobile hendaklah digunakan untuk radiografi di wad. Mesin ~~sinar-x~~ *x-ray jenis* portable hanya boleh digunakan di tempat-tempat yang tidak boleh dilalui oleh mesin-mesin ~~sinar-x~~ *x-ray jenis* mobile.

5. *Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Pehalibay ini hendaklah diarahkan kepada*
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
di alamat berikut
K.P.H. Pengarah Radiologi (Keg.)

(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan ~~Malaysia~~
~~Kementerian Kesihatan~~ Malaysia
Tel. No. —

s.k. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

" Semua Ketua Bahagian,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

A. Champal Singh
Paten Peningkatan Radium
H.A. 1/1

Bil. (48) dlm. KKM-82/2/6

25 hb Mac, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak.

Pengarah,
Hospital Besar Kuala Lumpur.

Semua Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.6/1986

Menghad Penggunaan Mesin Xray Jenis Mobile/
Portable Untuk Kegunaan Radiografi di Wad-wad

Surat Pekeliling ini mengawal dan menghadkan penggunaan mesin xray jenis mobile/portable di wad-wad.

2. Penggunaan mesin xray jenis mobile/portable untuk radiografi di wad-wad mendedahkan pesakit dan kakitangan kepada bahaya xray yang tinggi. Filem-filem yang dihasilkan berkualiti rendah dan seringkali pemeriksaan xray perlu dibuat sekali lagi di Jabatan Xray.
3. Pemeriksaan xray dengan mesin jenis mobile/portable di wad-wad hendaklah dihadkan kepada pesakit-pesakit yang sakit tenat sahaja dan kepada pesakit-pesakit yang tidak boleh dibawa ke Jabatan Xray, misalnya pesakit yang menggunakan traction. Seperti biasa, pemeriksaan xray dibenarkan hanya jika pemeriksaan tersebut benar-benar diperlukan. Pakar-pakar yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi semua permohonan untuk pemeriksaan xray di wad-wad.


4. Mesin xray jenis mobile hendaklah digunakan untuk radiografi di wad-wad. Mesin xray jenis portable hanya boleh digunakan di tempat-tempat yang tidak boleh dilalui oleh mesin-mesin xray jenis mobile.

5. Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Dungun,
50590 Kuala Lumpur
(u.p: Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan)
Tel. 2540540

Sekian.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Ketua Setiausaha.

Semua Ketua Bahagian.

Dr Charanpal Singh,
Pakar Perunding Karan Radiologi,
Hospital Besar,
Kuala Lumpur.

-/re